



13 FEB, 2022

Kastam pakai kamera badan bermula Jun ini

Metro Ahad, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam pakai kamera badan bermula Jun ini

Kuala Terengganu: Pemasangan kamera badan dalam kalangan anggota penguat kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dijangka dilaksanakan pada Jun ini bagi menangani kes salah laku sekali gus meningkatkan integriti pasukan itu.

Ketua Pengarahnya Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir berkata, perkara itu sedang dalam proses perolehan untuk mendapatkan peralatan berkenaan.

“Kita jangka dalam tahun ini... mungkin dalam bulan Jun, kita boleh buat perolehan (sekarang dalam proses perolehan).

“Untuk fasa pertama, kamera badan itu akan dipasang kepada lebih 100 penguat kuasa dan pegawai yang bertugas di barisan hadapan contohnya di KLIA (Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur) dan

di stesen sempadan.

“Kita akan buat pelaksanaan (pemasangan kamera badan) secara berperingkat kerana ia membabitkan bajet yang agak besar,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Jalinan Kasih Keluarga Malaysia (Tanggungjawab Sosial Korporat) JKDM Terengganu Bersama Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Kastam di Sekolah Kebangsaan Bukit Bayas di sini, semalam.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Kewangan 1, Mohd Shahrul Abdullah dalam sesi Parlimen pada tanggal 6 Disember tahun lalu memaklumkan anggota penguat kuasa JKDM akan dilengkapi peralatan kamera badan sebagai usaha menangani salah laku dalam kalangan pasukan beruniform itu.



13 FEB, 2022

Kastam pakai kamera badan bermula Jun ini

Metro Ahad, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Terengganu: Pema - sangan kamera badan dalam kalangan anggota penguat kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dijangka dilaksanakan pada Jun ini bagi menangani kes salah laku sekali gus meningkatkan integriti pasukan itu. Ketua Pengarahnya Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir berkata, perkara itu sedang dalam proses perolehan untuk mendapatkan peralatan berkenaan. "Kita jangka dalam tahun ini... mungkin dalam bulan Jun, kita boleh buat perolehan (sekarang dalam proses perolehan).